

Mahathir harap tiada pihak akan bertindak menghalang tribunal lagi

ALUR SETAR 23 Julai — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berharap tidak ada lagi pihak yang akan mengambil tindakan menghalang tribunal yang selesai menyiasat kes Tun Salleh Abas setelah Mahkamah Agung membuat keputusannya semalam.

"Saya berharap tidak ada lagi tindakan diambil untuk menghalang tribunal itu," katanya ketika ditanya oleh para pemberita setibanya dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Kepala Batas, di sini petang ini.

Mahkamah Agung semalam sebulat suara mengeneipkan perintah yang menghalang tribunal kes Tun Salleh Abas daripada menyebarkan laporan penyiasatannya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Perintah halangan itu diberikan pada 2 Julai

1998
fala oleh tribunal yang kim Mahkamah Agung yang digantung jawatan selepas meletakkan jawatan sidan bergempap untuk menduduki p... intah menanggung penyerahan laporan tribunal itu.

Mengenai tuntutan CUEPACS berhubung gaji kakitangan awam, Perdana Menteri berkata beliau tidak menerima apa-apa laporan lagi tetapi mungkin laporan diserahkan kepada jabatan-jabatan lain.

Mengadap

Datuk Sri Dr. Mahathir bersama isteri Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali beserta anak perempuan serta anak angkatnya tiba di lapangan terbang di sini untuk menyambut Hari Raya Aidiladha di sini esok.

Beliau disambut oleh Menteri Besar, Datuk

Sri Haji Osman Arouh serta isteri anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Perdana Menteri akan bersembahyang sunat Hari Raya Aidiladha di Masjid Zahir di sini sebelum mengadap Sultan Kedah di Istana Anak Bukit.

Beliau kemudian mengadakan rumah terbuka antara jam 10.30 pagi hingga 5 petang di kediamannya di Titi Gajah dekat sini di samping mengorbankan empat ekor lembu di beberapa daerah di sini.

Pada Hari Raya kedua, Perdana Menteri akan mengadakan perjumpaan dengan guru-guru sekolah menengah dan sekolah rendah di daerah Kubang Pasu di Sekolah Menengah Jitra, sebelum berlepas pulang ke ibu negara jam 4 petang.